

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)

12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2
62100 Putrajaya, Malaysia
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)



KENYATAAN MEDIA
31 JANUARI 2022

**PELARASAN TARIF ELEKTRIK MULAI 1 FEBRUARI 2022-31 DISEMBER 2024
BAGI TEMPOH KAWAL SELIA KEDUA (RP2: 2022 – 2024) DAN
PELARASAN MEKANISME *IMBALANCE COST PASS-THROUGH (ICPT)* BAGI
TEMPOH 1 FEBRUARI HINGGA 30 JUN 2022 DI KULIM HI-TECH PARK, KEDAH**

PUTRAJAYA, 31 Jan – Kerajaan pada 26 Januari 2022 telah memutuskan kadar tarif elektrik di Kulim Hi-Tech Park, Kedah (KHTP) di bawah mekanisme *Incentive-Based Regulation (IBR)* diselaraskan kepada 37.69 sen/kWj bagi tempoh kawal selia kedua (*Regulatory Period 2 – RP2*) bermula pada 1 Februari 2022 hingga 31 Disember 2024. Antara faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kadar tarif elektrik di KHTP bagi tempoh IBR RP2 adalah semakan semula unjuran harga bahan api gas mengikut harga pasaran semasa dan pertambahan kos modal diperlukan untuk menampung keperluan kualiti infrastruktur pembekalan elektrik di KHTP.

Manakala, melalui pelarasan mekanisme *Imbalance Cost Pass Through (ICPT)* bagi tempoh 1 Februari hingga 30 Jun 2022, Kerajaan juga telah bersetuju supaya ia dilaksanakan dengan berikut:

- i. tiada pengenaan surcaj kepada pengguna domestik; dan
- ii. pengenaan surcaj 3.88 sen/kWj kepada semua pengguna komersial dan industri.

Peningkatan surcaj ICPT sebanyak RM25.58 juta di KHTP adalah disebabkan oleh kenaikan kos bahan api gas dan kos bekalan pukal daripada TNB bagi tempoh Julai hingga Disember 2021. Harga gas sebenar telah meningkat kepada purata RM24.09/mmBTU, berbanding harga gas berpaip yang diunjurkan dalam tempoh RP1 iaitu RM20.70/mmBTU. Peningkatan harga bahan api tersebut adalah berdasarkan harga pasaran global dan di luar kawalan kos utiliti.

- TAMAT -

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azlinna Mohammad Jais/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin
Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azlinna)/013-2183778 (Zairulliati)/018-3822545 (Harith)
Emel: azlinnamj@st.gov.my/zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.